

Tarbiyah Pengasas Siri 56
19 September 2023

BAGAIMANA MENYATUKAN FIKRAH?

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Dr Nor Hanani Ismail (UUM)

Bagaimana pendekatan untuk menyatukan fikrah dalam sama-sama berjuang atas fikrah yang sama?

Jawapan

1. Fikrah bererti Daya berfikir; atau Pemikiran. Dalam konteks jawapan kepada persoalan di atas, fikrah merujuk kepada Pemikiran.
2. Pemikiran di sini pula tertumpu kepada pemikiran atau fikrah Islamiah.
3. Secara literal, Fikrah Islamiah merujuk kepada pemikiran yang bersifat Islam, atau berfikir mengikut ajaran Islam.
4. Dalam perjuangan Islam, kena ada satu fikrah Islamiah yang selaras/satu (*wahdatul-fikr*)
5. Wahdatul-fikr membawa manhaj (jalan/kaedah perjuangan yang jelas dan terang) yang sama
6. Begitulah perjuangan Rasulullah SAW, ada wahdatul-fikir (aliran pemikiran yang satu/sama) dengan manhaj (jalan/kaedah yang jelas dan terang) yang sama.

7. Tetapi selepas Rasulullah SAW, timbul fikrah dan manhaj yang berbeza/beza antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.
8. Fikrah tersebut terjelma dalam bentuk rupabentuk luaran (appearance), eg Tabligh (janggut dan pakaian), GISB (songkok dan pakaian bercorak-corak warna, ABIM (eg bercakap gaya Anwar Ibrahim), Ikhwan ul Muslimin, Jamaat-e-Islami (cara percakapan dan pemikiran mereka), Al-Qaeda (misalnya diceritakan dalam buku *American Radical – Inside the World of an Undercover Muslim FBI Agent* oleh Tamer Elnoury with Kevin Maurer (2018, New York: Penguin Random House LLC) etc.
9. Antara sebabnya ialah kerana perbezaan adab, suasana, dan keperluan lokal dan semasa, atau kerana perbezaan tafsiran antara satu kumpulan Jemaah dengan yang lain, tentang sesuatu perkara.
10. Walau bagaimanapun, perbezaan fikrah itu kebanyakannya hanyalah dari sudut kaedah, tidak sangat dari sudut Tauhid (eg Allah satu (keesaan), Muhammad adalah Rasulullah SAW, dan lain-lain yang berkaitan dengan rukun iman dan Islam), kecuali dalam beberapa hal tertentu seperti fikrah-fikrah selain fikrah Ahlus-Sunnah wal-Jamaah.
11. Masa muda, saya agak naif, tanpa menyedari tentang fikrah dan manhaj Islam yang berbeza-beza antara satu Jemaah dengan Jemaah yang lain. Saya ikut program semua jemaah (eg jemaah ABIM di Bristol), malah buat program di rumah jemaah lain (di London)
12. Patutnya kena ikut fikrah jemaah sendiri.

13. Tetapi membina fikrah dalam satu jemaah ISDEV pun tidak mudah, apatah lagi menyatukan fikrah-fikrah warga ISDEV yang lain dalam satu jemaah.
14. Tambah lagi yang datang ke ISDEV, sama ada untuk belajar atau untuk jalin kerjasama, mempunyai pelbagai fikrah mereka sendiri (misalnya PAS, UMNO, Amanah, ABIM, JIM, Ikram, Tabligh, PKS, Al-Wasliyah, Nahdatul-Ulamak, Muhammadiyah, dan sebagainya)
15. Kita sedar kita tidak mampu, dan sebenarnya tidak bercita-cita, untuk menggabungkan fikrah-fikrah perjuangan yang lain.
16. Untuk membina fikrah ISDEV dan merealisasikannya, kita lakukan perkara-perkara berikut:
 - i. Faham tentang zaman apa kita berada sekarang dan bagaimanakah ciri-cirinya. Jawapannya, kita berada di akhir zaman. Yang ada hanya thoifah-thoifah yang perjuangankan Islam seumpama perjuangankan bara api
 - ii. Menetapkan fikrah ISDEV, misalnya fikrah akademik ISDEV: Mula pembinaan fikrah pembangunan Islam dari dalam paradigma Islam sendiri (bungkih akar umbi, non-akomodatif modifikasi), mengharap dan menyerahkan diri kepada Allah dengan Rasa Bertuhan dan Rasa Kehambaan, serta menggunakan manhaj mendapat kasih sayang Allah melalui amalan-amalan fadhho-ilul amal, bukan sahaja melalui amalan-amalan wajib.

- iii. Mencari pendokong-pendokong ISDEV, terutamanya para pensyarah yang fresh, yang belum ada fikrah. Yang ada fikrah, dibentuk secara beransur-ansur untuk memahami dana menghayati fikrah ISDEV. Pendekatan ini disebut sebagai pendekatan in-breeding.
- iv. Memberi kefahaman tentang fikrah ini secara berulang-ulang melalui pelbagai bentuk (tazkirah, tarbiyah, kuliah, musafir, etc) sehingga menjadi fikrah dan amalan menjadi selaras
- v. Menilai aspek fikrah apa yang boleh di satukan, dan aspek yang tidak boleh disatukan, dan menyatukannya sama ada dalam kalangan pensyarah dan pelajar ISDEV, atau dengan pasangan-pasangan kerjasama. Yang jelas boleh disatukan ialah fikrah Tauhid (rukun iman dan rukun Islam).
- vi. Menyatukan persamaan dan kepentingan bersama, dan mengelak perbezaan, dengan ISDEV menjadi melting pot. Untuk kerjasama dengan pihak luar pula, perbezaan fikrah cuba diminimakan seboleh mungkin, hasil kerjasama cuba dimaksimakan (misalnya 8 tahun kerjasama dengan UMSU). Diketepikan perbezaan (misalnya Asmaul-Husna di permulaan majlis, dengan nyanyi-nyanyi di akhir majlis).